

sains

# KERATAN AKHBAR

## 20 - 24 JANUARI 2022

NEW STRAITS TIMES

Utusan MALAYSIA

Sinar harian

astro AWANI

NOGORI KITO

facebook

THE EDGE MARKETS  
MAKE BETTER DECISIONS

THE Sun

FMT news  
FREE AND INDEPENDENT

The people's paper  
Star

SUARA KONTEMPORARI  
Kosmo!

Harian Metro

BERITA HARIAN

malaysiakini  
terkini untuk anda

BERNAMA

RANIA

星洲日報  
SIN CHEW DAILY

南洋商報  
NANYANG SIANG PAU

中國報  
CHINA PRESS

malaymail

## Tiada air bersih, 300 penduduk Rembau terpaksa guna air bukit

REMAU: Lebih 300 penduduk dan pekebun di kawasan sekitar Miku hingga ke perkampungan Orang Asli yang terletak berhampiran sempadan daerah Kuala Pilah-Rembau di sini terpaksa berhadapan dengan masalah ketiadaan air bersih dan bergantung pula kepada sumber air bukit.

Tinjauan *Utusan Malaysia* ke lokasi mendapati terdapat penduduk yang hanya membiarkan bil air mereka diletakkan di dalam botol plastik di tepi meter air dengan tunggakan memandangkan tiada bekalan air paip yang diterima secara konsisten oleh mereka.

Penduduk yang juga Imam 2, Surau Al-Hidayah Kampung Pabai, Kamaruzam Mohd. Nor, 49, berkata, masalah ketiadaan air bersih dan terawat berkenaan sudah diatasi pihak kerajaan melalui peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) pada tahun 2015, namun masalah berkenaan berulang kembali pada tahun 2018 sehingga ke hari ini.

Menurutnya, setelah bekalan air bersih sudah diterima pada 2015 itu, dia sudah membeli secara ansuran sebuah mesin rawatan air.

Bagaimanapun, setelah masalah berkenaan timbul semula, dia kini hanya membayar ansuran tanpa dapat menggunakan kemudahan mesin tersebut.

"Kami terpaksa menggunakan air bukit yang kadangkala akan timbul masalah sekiranya hari hujan disebabkan pasir serta kelodak yang akan membuat bekalan air terputus atau keruh," katanya ketika ditemui di Kampung Pabai, di sini semalam.

Bagi seorang pekebun, Nasaruddin Ahmad, 57, pula dia sudah hampir enam bulan terpaksa membayar bil air RM5 sebulan tanpa dapat menggunakan air terawat di kebunnya di Kampung Charik, Kuala Pilah yang terletak berhampiran kawasan bersempadanan dengan Miku.

Menurutnya, dia dan isteri juga terpaksa mengangkut air serta menggunakan air bukit bagi memulakan projek tanaman durian.

"Nasib kami tidak seteruk penduduk yang tinggal di kawasan tersebut kerana boleh mendapat bekalan air bersih untuk makan dan minum. "Bagaimanapun jika difikirkan kembali sampai bila keadaan ini akan berterusan. Saya membayar bil air sejak Julai tahun lalu sedangkan meter air di kebun saya masih tiada bacaan direkodkan.

"Saya cuba menghubungi pihak bertanggungjawab dan jawapan yang diterima adalah berlakunya masalah pam air di kawasan berhampiran menyebabkan air tidak sampai ke kawasan perkampungan dan kebun berhampiran," katanya.

Menurutnya, dia amat berharap masalah air bersih dan terawat tersebut dapat diselesaikan memandangkan sudah berlanjutan selama lebih dua tahun.

Sementara itu, Tok Batin Kampung Pabai, Rusmah Buncit, 52, berkata, terdapat 68 buah keluarga di tiga buah kampung di bawah pengurusannya iaitu Kampung Pabai, Sungai Siput dan Mampan di mana paling ramai sekali adalah di Pabai dengan lebih 40 buah keluarga.

Menurutnya, bagi Kampung Pabai, penduduk boleh menggunakan air bukit tetapi di Sungai Siput mereka terpaksa mengangkut air atau membasuh pinggan serta keperluan lain di sungai.- UTUSAN ONLINE



Kamaruzam Mohd. Nor (Kanan) Dan Rusmah Buncit Menunjukkan Pili Air Di Surau Yang Hanya Mengalirkan Air Bukit Untuk Kegunaan Penduduk Di Rembau, Negeri Sembilan. – Utusan



https://sebilan.sinchew.com.my/20220120/%e8%8a%99%e5%b8%82%e5%8c%ba%e6%b0%b4%e7%ae%a1%e9%99%88%e6%97%a7-%e5%b8%b8%e7%88%86%e6%b0%b4%e7%ae%a1-%e8%b7%91%e6%9c%9f%e6%97%a0%e6%95%85%e5%88%b6%e6%b0%b4-%e5%bc%95%e6%b0%91%e6%80%a8/

### 美市区水管陈旧 常爆水管 近期无故制水 引民怨



由于近期制水不断发生，商家唯有自行存水，以备不时之需。

(芙蓉20日讯) 芙蓉市区地下水管陈旧，爆水管事件频密发生，近期更是多次无故制水，导致商家措手不及应对问题，昨日制水情况更是持续超过10小时，商家们最终无法忍受，怨声四起。

据反映，此情况是近两个月发生，在这段期间，制水的情况断断续续都在发生，惟每次问题发生时，约数小时就会恢复正常水供，商家们也不以为意，也觉得制水情况会获得改善。

惟昨天的情况与以往不同，据商家们透露，制水情况从上午11时许已经开始，商家们以为这次与前几次一样，只须数小时就会恢复正常，结果等到了晚上，水供始终尚未恢复。

多个区域的商家都因制水受到严重影响，其中，涉及最多的是餐饮业者，茶室顿时没有水冲泡茶水，食肆也缺乏水源清洗餐具，即便一些食肆有蓄水槽的水作为备用，也不足以应付。

据了解，制水问题直至凌晨2时许才得以解决，多数食肆业者也在清晨才匆忙赶到店面，用清水收拾残局，匆忙地恢复正常营业。

### SEREMBAN – 20 JANUARI 2022

### Paip Air Berusia Sering Pecah Di Seremban.

Para peniaga makanan di bandar seremban berhadapan gangguan bekalan air akibat paip pecah.

Gangguan kerap berlaku sejak dua bulan yang lalu. Peniaga mengeluh kerana tidak diberikan sebarang pemberitahuan awal atau notis agar mereka dapat melakukan persiapan. Akibatnya perniagaan terjejas dan mengalami kerugian.

Pengadu ada menghubungi SAINS tetapi sering menerima jawapan yang tidak memuaskan. Pegawai khidmat pelanggan SAINS juga ada memberitahu bahawa paip di kawasan seremban telah berusia dan sering pecah. Walaubagaimanapun, setelah menerima aduan, SAINS datang segera untuk membaiki paip tersebut.

Para peniaga berharap SAINS dapat menyelesaikan isu ini dengan segera kerana mengganggu perniagaan dan aktiviti harian mereka.



https://sebilan.sinchew.com.my/20220122/ms%e8%ba%99%e8%93%89%ef%bc%9a%e6%a3%ae%e5%b7%9e%e6%b0%b4%e5%8a%a1%e5%85%ac%e5%8f%b8%e4%b8%8e%e5%9b%bd%e5%e7%b6%e6%b0%b4%e5%8a%a1%e5%a7%94%e5%91%98%e4%bc%9a%e8%81%94%e5%90%88%e5%b1%95%e5%bc%80%e5%87%96/

森水务联合取缔行动 揭畜牧场员工宿舍涉偷水



位于申达央的高牧场遭执法单位揭发偷水。(森州水务公司提供)

(芙蓉20日讯) 森州水务公司与国家水务委员会联合展开取缔行动，揭发申达央畜牧场及位于芙蓉的某员工宿舍涉嫌偷水。

森州水务公司今日发文告指出，取缔行动是于1月19日上午11时至下午3时展开，由国家水务委员会执法官员穆哈末纳吉及森州水务公司执法组带领。

文告指出，执法组在申达央畜牧场的调查发现，当地居民使用20毫米高密度聚乙烯(HDPE)管进行非法连接，没有通过任何电表。

“此外，也在芙蓉某商业大楼充作员工宿舍的单位，发现水源没有经过任何电表，并擅自使用14毫米软管接驳。”

SEREMBAN – 22 JANUARI 2022

Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah menjalankan serbuan kes curi air terhadap dua buah premis yang disyaki di Seremban pada 19 Januari 2022. Operasi serbuan diketuai oleh pegawai SPAN iaitu En. Muhammad Naqib Aniq bin Abdul Kahar dari Bahagian Penguatkuasaan SPAN dan Unit Penguatkuasaan SAINS

Serbuan pertama dijalankan bermula jam 11 pagi di sebuah ladang ternakan di Sendayan. Siasatan tapak mendapati penghuni premis melakukan penyambungan tidak sah menggunakan paip High Density Polyethylene (HDPE) bersaiz 20mm tanpa melalui sebarang meter untuk aktiviti penternakan di ladang tersebut

Serbuan kedua dijalankan di sebuah bangunan komersil yang dijadikan sebagai asrama pekerja di Seremban. Siasatan tapak mendapati penghuni premis melakukan penyambungan tidak sah menggunakan paip mudah lentur bersaiz 14mm tanpa melalui sebarang meter bagi aktiviti harian penghuni asrama berkenaan.





## 'Air sudah kembali ada, terima kasih Utusan'

REMBAU: "Terima kasih Utusan Malaysia, terima kasih semua pihak bertanggungjawab, air bersih sudah ada,"

Demikian kata Tok Batin Kampung Pabai, Rusmah Buncit, 52, ketika ditemui di kampung tersebut semalam.

Ujarnya, dia tidak menyangka, masalah yang membelenggu lebih 300 penduduk sejak tahun 2018 selesai apabila kisah itu disiarkan di akhbar Utusan Malaysia baru-baru ini.

Sehubungan itu, dia berharap agar bekalan air bersih berkenaan akan berterusan dan bukan untuk tempoh sementara.

"Pada pagi hari Jumaat lalu saya dapat tahu air di sebelah Bukit Miku sudah ada. Saya tunggu dan kemudian sebelah petangnya semasa melalui kemudahan pili air di tepi jalan kampung, saya dapat melihat lehan air.

"Itu tandanya air bersih dan terawat sudah sampai ke kampung kami. Tindakan pantas pihak berwajib sangat dihargai penduduk terutamanya di Kampung Mampan dan Sungai Siput kerana penduduk terpaksa mengangkut air dari sungai yang terletak jauh dari rumah," katanya.

Bagi seorang pekebun, Nasaruddin Ahmad, 57, pula dia sudah hampir enam bulan terpaksa membayar bil air RM5 sebulan tanpa dapat menggunakan air terawat di kebunnya di Kampung Charik, Kuala Pilah yang terletak berhampiran kawasan bersempadanan dengan Miku.

Menurutnya, dia dan isteri juga terpaksa mengangkut air serta menggunakan air bukit bagi memulakan projek tanaman durian.

"Nasib kami tidak seteruk penduduk yang tinggal di kawasan tersebut kerana boleh mendapat bekalan air bersih untuk makan dan minum.

"Bagaimanapun jika difikirkan kembali sampai bila keadaan ini akan berterusan. Saya membayar bil air sejak Julai tahun lalu sedangkan meter air di kebun saya masih tiada bacaan direkodkan.

"Saya cuba menghubungi pihak bertanggungjawab dan jawapan yang diterima adalah berlakunya masalah pam air di kawasan berhampiran menyebabkan air tidak sampai ke kawasan perkampungan dan kebun berhampiran," katanya.

Menurutnya, dia amat berharap masalah air bersih dan terawat tersebut dapat diselesaikan memandangkan sudah berlanjutan selama lebih dua tahun.

Sementara itu, Tok Batin Kampung Pabai, Rusmah Buncit, 52, berkata, terdapat 68 buah keluarga di tiga buah kampung di bawah pengurusannya iaitu Kampung Pabai, Sungai Siput dan Mampan di mana paling ramai sekali adalah di Pabai dengan lebih 40 buah keluarga.

Menurutnya, bagi Kampung Pabai, penduduk boleh menggunakan air bukit tetapi di Sungai Siput mereka terpaksa mengangkut air atau membasuh pinggan serta keperluan lain di sungai.- UTUSAN ONLINE